

03/01/2004

Kehilangan Alfred Chin terus jadi tanda tanya

Amirullah Andi Nur

KEHILANGAN bekas Perunding Pelaburan Malaysia di Taiwan, Datuk Alfred Chin, yang masih gagal di kesan sehingga ini turut menjadi tanda tanya polis Taiwan.

Ahli perniagaan itu sepatutnya menghadirkan diri di mahkamah negara itu pada September 1997 untuk proses rayuan ke atas hukuman yang dikenakan tapi tidak pernah muncul. Ketika itu, beliau masih dalam jaminan polis.

Kehadiran jutawan balak Sabah ini sangat diperlukan bagi membantu polis Malaysia menyelesaikan kes penyeludupan serta penjualan senjata api secara haram di negeri itu yang turut membabitkan anggota polis dan awam.

Beliau dikatakan dalang kegiatan itu yang turut membabitkan pemilik sebuah kedai senjata api di Kota Kinabalu serta bekas penembak kebangsaan terkenal, Vincent Teo.

Ketika laporan ini ditulis, ada beberapa teori yang ditimbulkan termasuk kemungkinan beliau melarikan diri ke Hong Kong atau Amerika Syarikat dengan menggunakan identiti baru.

Teori kemungkinan ahli perniagaan ini kembali ke Malaysia turut tidak dinafikan, tapi berdasarkan kepada ketelitian serta ketangkasan Polis Diraja Malaysia (PDRM), peluang itu dianggap sangat tipis.

Penahanan Chin, yang juga adik kepada bekas Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Henry Chin, dibuat pada 25 Mac 1996 di Lapangan Terbang Kaoh-shiung, wilayah utara Taiwan.

Beliau dilaporkan ditahan dalam keretanya bersama seorang ketua kumpulan penjenayah dan tiga rakyat Taiwan.

Ketika penahanan, polis Taiwan menjumpai empat senapang jenis Remington buatan Amerika Syarikat, dua pucuk pistol jenis Baretta buatan Itali, dua pistol Walter, 50 butir peluru hidup dan wang tunai RM360,000 dari boot kereta yang mereka naiki.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman ketika itu, Datuk Mohd Said Awang, mengesahkan ahli perniagaan terbabit, ditahan polis kerana disyaki terbabit dalam pengedaran senjata api antarabangsa.

Katanya, senjata api itu dipercayai diseludup melalui pesawat yang turut dinaiki ahli perniagaan terbabit dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK) ke Lapangan Terbang Kaohshsiung.

"Dia dipercayai menyeludup masuk senjata api itu dari negara ini ke Taiwan tetapi kita belum dapat memastikan sama ada senjata itu untuk pasaran Taiwan atau dihantar ke negara lain," katanya dipetik.

Bagaimanapun, pada 28 Mac 1996, polis mengesahkan beberapa pucuk senjata api termasuk mesingan dan 500 butir peluru yang dirampas daripada lima lelaki termasuk daripada Chin itu, diseludup dari negara ini.

Seorang pegawai Jabatan Pentadbiran Polis Kebangsaan Taiwan pada ketika itu mengesahkan tangkapan berkenaan dan dilaporkan berkata, kelima-lima lelaki terbabit kemudian ditahan di lokap Biro Siasatan Jenayah di Taipei untuk siasatan lanjut.

Difahamkan, empat lagi lelaki yang turut ditahan bersama ahli perniagaan berkenaan adalah anggota sebuah kumpulan kongsi gelap tapi mereka dipercayai bukan warga Malaysia.

Kumpulan berkenaan ditahan di satu kawasan di luar lapangan terbang berkenaan.

Mohd Said juga dilaporkan berkata, Bukit Aman hanya dimaklumkan mengenai tangkapan rakyat Malaysia itu oleh polis Taiwan melalui telefon.

Chin yang berusia 57 tahun ketika itu adalah juga Presiden Persatuan

Siswazah Malaysia Taiwan serta dikenali sebagai jutawan balak terkenal di Sabah.

Dalam politik, beliau memegang jawatan Ketua Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), sebuah parti komponen Barisan Nasional (BN) di Lumadan, Beaufort.

Apapun sehari selepas penahanan itu, suasana negara mula hangat apabila Ketua Polis Negara ketika itu, Tan Sri Abdul Rahim Noor mengarahkan polis menyiasat bagaimana Chin, meloloskan senjata api ketika melalui pemeriksaan keselamatan di LTAKK.

Keesokannya, Ketua Menteri Sabah ketika itu, Datuk Mohd Salleh Said, pula mahu pemeriksaan keselamatan, termasuk bagi orang kenamaan di LTAKK dipertingkatkan berikutan laporan mengatakan Chin menyeludup keluar senjata api dari situ ke Taiwan.

Beliau dilaporkan berkata langkah itu perlu kerana kegagalan mengesan sebarang kegiatan penyeludupan, bukan saja memalukan negara, malah menjejaskan reputasi sistem keselamatan negara ini.

"Kerajaan negeri mahu bukan saja pemeriksaan di lapangan terbang diperketatkan, tetapi juga kawalan di seluruh pesisiran pantai negeri ini," katanya.

Sejak daripada itu, polis termasuk dari Bukit Aman kemudian menggiatkan usaha mengesan secara besar-besaran penyelewengan membabitkan senjata api di Sabah.

Bermula pada 1 April 1996, polis mengarahkan sebuah kedai menjual senjata api milik seorang penembak kebangsaan di Bandaran Berjaya, Kota Kinabalu, ditutup bagi memudahkan siasatan kemungkinan wujud sindiket menjual senjata api antarabangsa di Sabah.

Dua hari kemudian, Teo, 50, dihukum sebulan penjara dan denda RM6,000 oleh Mahkamah Majistret Kota Kinabalu, kerana menjual senjata api kepada Chin tanpa permit.

Teo, yang mengendalikan perniagaan syarikat Arms Centre Sdn Bhd di Bandaran Berjaya mengaku bersalah atas tiga tuduhan menjual senjata berkenaan kepada Chin yang ketika itu masih ditahan di Taiwan.

Dia yang juga anggota skuad yang memenangi pingat emas skeet berpasukan dalam Sukan SEA 1987 di Jakarta, dan perak individu Sukan SEA 1989 di Kuala Lumpur, ditahan polis untuk disoal siasat selepas Chin ditahan di Taiwan kerana menyeludup senjata api bagi sebuah kumpulan haram.

Teo, didakwa mengikut Seksyen 11 (1) Akta Senjata Api 1960 oleh Timbalan Pendakwa Raya ketika itu, Nurchaya Arshad di hadapan Majistret Kota Kinabalu, Anita Harun.

Bagi tuduhan pertama, Teo didakwa menjual 19 pucuk pistol jenis Glock kepada Chin di antara jam 8 pagi dan 4 petang, 27 Julai 1994.

Dia juga dituduh menjual dua pistol Baretta Semi Auto dan dua Topper Single Barrel Shotgun kepada Chin pada tempoh yang sama pada 8 Ogos 1994.

Bagi tuduhan ketiga, Teo didakwa menjual dua pistol Walter .38, dua pistol Baretta 84 dan empat senapang Remington Shotgun Pump Action diantara waktu yang sama 21 Mac.

Majistret Anita yang mendengar kes itu menjatuhkan hukuman sebulan penjara dan denda RM2,000 bagi setiap tuduhan. Hukuman dijalankan serentak.

Dalam hujahnya, ketika itu Nurchaya berkata, Teo dengan sengaja menjual senjata berkenaan kepada Chin walaupun dia mengetahui dengan pasti Chin tidak memiliki permit.

Pada hari yang sama juga, satu pasukan khas dari Biro Siasatan Jenayah Taiwan dilaporkan tiba di Kuala Lumpur seminggu kemudian untuk mendapatkan bantuan Malaysia dalam siasatan kegiatan penyeludupan senjata api ke negara itu dari Asia Tenggara.

Jurucakap polis Taiwan apabila dihubungi menerusi telefon memberitahu, pasukan khas itu, yang diketuai seorang pegawai kanan polis, turut melawat

Singapura dan Filipina. Lawatan ini susulan kes penyeludupan senjata api membabitkan Chin.

Pada 4 April pula, Abdul Rahim mengarahkan semua kedai menjual senjata api di Sabah disiasat secara menyeluruh, bagi memastikan penyelewengan dalam penjualan senjata api tidak berleluasa di negeri berkenaan.

Tindakan itu diambil berikutan rekod penjualan dari sebuah kedai menjual senjata api berlesen di negeri itu, menunjukkan adanya penyelewengan dalam penjualan senjata api yang mempunyai kaitan dengan kes Chin, di Taiwan.

Abdul Rahim dilaporkan berkata, siasatan menyeluruh juga perlu dijalankan segera kerana siasatan polis mendapati nombor siri pada semua senjata api yang dirampas ketika penahanan Chin, diubah oleh mereka terbabit dan polis sedang mengesan nombor siri sebenar.

Pada 9 April 1996 pula, Jabatan Peguam Negara mengkaji kemungkinan mengemukakan rayuan terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Majistret ke atas Teo, yang dikatakan terlalu ringan.

Tiga hari selepas itu, Abdul Rahim mendedahkan ada pakatan di antara polis dan syarikat menjual senjata api milik Teo dalam pengimportan dan pengedaran senjata api di Sabah.

Berdasarkan siasatan polis yang ketika itu sudah siap 80 peratus, katanya, ia turut membabitkan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Kinabalu.

"Pada tahap ini, siasatan kita mengenai tips of iceberg sangat jelas dan kita nampak jelas satu keadaan yang scandalous dalam pengimportan dan pengedaran senjata api ini.

"Ia nampaknya membabitkan dua penjuror iaitu syarikat ini (milik Teo) dan pihak IPD Kota Kinabalu," katanya.

Abdul Rahim mengakui keadaan itu membimbangkannya tetapi tidak mahu menjelaskan mengenainya dengan lebih lanjut.

Mengikut rekod syarikat Teo, kata Abdul Rahim, jumlah pistol atau revolver yang diimportnya dari luar negara, misalnya Singapura berbanding senjata api yang beliau luluskan, amat berbeza.

"Jadi, ke mana pergi lebih ini. Berdasarkan rekodnya, angka mengikut 1993 hingga 1996 yang diimportnya jauh lebih banyak daripada bilangan yang saya luluskan untuk Sabah.

"Jadi itulah yang saya kata menggerunkan saya," katanya dipetik lagi.

Abdul Rahim juga dilaporkan berkata jangkaan sebelum ini tepat iaitu apa yang berlaku di Taiwan dan penahanan Teo adalah sebahagian kecil daripada suatu keadaan yang melanggar undang-undang Akta Senjata Api yang lebih besar.

Sementara itu pada 13 April, Penolong Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Cawangan Jenayah Berat, Bukit Aman dilaporkan mengetuai pasukan lima penyiasat khas ke Sabah keesokan harinya untuk menjalankan siasatan menyeluruh berhubung kes penjualan senjata api secara haram di negeri itu.

Mohd Said dilaporkan berkata Superintendan Abu Bakar Mustafa akan mengetuai pasukan itu yang merangkumi pegawai berpangkat Deputi Superintendan, Asisten Superintendan, Cif Inspektor dan seorang detektif, yang semuanya dari jabatan yang sama.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat memastikan berapa lama pasukan itu yang berada di Sabah untuk menyelesaikan kes berkenaan.

Pasukan itu dipilih berdasarkan pengalaman dan keupayaan mereka dalam menjalankan siasatan.

Pada 17 April 1996, polis menahan seorang pemilik kedai senjata api bersama dua pekerjanya kerana disyaki terbabit dalam kegiatan menjual dan mengedar senjata api secara haram di Sabah.

Pemilik kedai berusia 52 tahun dan dua pekerjanya, masing-masing berusia 36 dan 28 tahun itu, ditahan di premis perniagaan mereka di Karamunsing, kira-kira jam 9.30 malam.

Tangkapan terbaru itu menjadikan 11 orang semuanya ditahan sehingga tarikh berkenaan bagi membantu siasatan polis berhubung kegiatan itu, tidak termasuk Teo, yang ditahan pada 27 Mac lalu.

Pada 23 April, Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak menolak kemungkinan sindiket yang memalsu dokumen dan pengedaran senjata api secara haram di Sabah, menggunakan tanda tangan palsu Pesuruhjaya Polis negeri itu.

Difahamkan, pemalsuan itu dilakukan oleh mereka yang mempunyai kaitan tugas dengan pesuruhjaya berkenaan dan dipercayai membabitkan permohonan lesen senjata api dan pengedaran di Semenanjung.

Perkara itu dibuktikan melalui tiga senjata api diserahkan di IPD Gombak dan sepucuk senjata di IPD Cheras, sejak arahan siasatan dan pembekuan lesen yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Dalam Negeri ketika itu.

Timbalan Menteri, Datuk Megat Junid Megat Ayob, turut dilaporkan berkata pihaknya mengambil kira aspek itu, berikutan pemilikan lesen senjata api secara berleluasa di negeri berkenaan.

Sebelum itu, seorang anggota polis berpangkat sarjan ditahan pasukan penyiasat sindiket memalsu dokumen dan pengedaran senjata api secara haram, menjadikan 16 orang ditahan setakat itu.

Penahanan terbaru itu menjadikan lima anggota polis ditahan. Empat yang ditahan sebelumnya berpangkat kopersal, dua lans kopersal dan seorang konstabel.

Sementara itu pada 27 April 1996, Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu menambah hukuman terhadap Teo daripada satu bulan kepada 14 bulan bagi tiap-tiap satu daripada tiga kesalahannya mengikut Akta Senjata Api 1960.

Hakim Datuk Suleiman Hashim, yang membenarkan rayuan pejabat Peguam Negara terhadap hukuman yang tidak memadai ke atas Teo oleh Mahkamah Majistret pada 2 April 1996 juga memerintahkan supaya hukuman itu dijalankan secara berturut-turut.

Bagaimanapun, Suleiman mengekalkan hukuman denda RM2,000 atau penjara tiga bulan bagi tiap-tiap satu kesalahan yang dijatuhkan Majistret Anita Harun terhadap Teo.

Katanya, beliau memberikan pertimbangan wajar selepas meneliti kes itu dengan sebaiknya serta mengambil kira pelbagai aspek berkaitan.

"Hukuman setimpal perlu dijatuhkan memandangkan jumlah senjata yang dijual agak banyak iaitu 31 dan ia dilakukan sebanyak tiga kali," katanya.

Dalam pada itu, pada 1 Mei 1996, Timbalan Menteri Dalam Negeri ketika itu, Datuk Ong Ka Ting berkata polis hanya akan memohon ekstradisi Chin, selepas pihak berkuasa negara itu selesai menjalankan siasatan dan mengambil tindakan undang-undang.

Ong dilaporkan berkata, pihaknya perlu menunggu sehingga siasatan ke atas Chin selesai sebelum mengambil sebarang tindakan termasuk membuat permohonan ekstradisi.

Sementara itu, pada 4 Mei, Abdul Rahim dilaporkan berkata tidak ada jalan keluar bagi anggota dan pegawai polis yang didapati terbabit dalam penyelewengan penjualan dan pengedaran senjata api di Sabah.

Beliau dilaporkan berkata, walaupun tidak didakwa di mahkamah kerana masalah teknikal atau kekurangan bukti tidak bermakna anggota dan pegawai terbabit boleh terlepas daripada dikenakan tindakan.

Katanya, PDRM akan memastikan mereka dikenakan tindakan tatatertib termasuk diturunkan pangkat bagi memastikan kesalahan mereka dihukum.

"Bagaimanapun, kita akan tunggu hingga dalang sebenar yang dipercayai berada di luar negara dibawa balik ke negara ini untuk mengenal pasti setakat mana pembabitkan anggota dan pegawai polis di dalam penyelewengan berkenaan," katanya.

Sementara itu, pada 5 Julai 1996, teman wanita Chin, Liew Khun Kim, 38, warga negara Malaysia, dikenakan tahanan reman selama seminggu oleh

Mahkamah Majistret Kota Kinabalu,

Sebelum itu beliau ditahan di LTAKK oleh sepasukan polis dari Ibu Pejabat Polis (IPK) Kepyayan, setibanya dari Kaoshiung, Taiwan, pada jam 1.20 tengah hari, sehari sebelum itu.

Beliau dibebaskan pada 11 Julai 1996 dengan jaminan polis sebanyak RM10,000.

Majistret Zaman Mohd Noor berkata, mahkamah bersetuju membebaskan Liew selepas mendengar permohonan Pegawai Pendakwa, Deputi Superintendan Joseph Vun.

Vun yang juga Pegawai Penyiasat Kanan Polis, berkata siasatan ke atas Khun Kim selesai dan dia dibebaskan sementara menunggu siasatan selanjutnya.

Beliau dilaporkan berkata, Khun Kim ditahan bagi siasatan mengikut Seksyen 9 Akta Senjata Api (Penalti Tambahan) 1971 dan boleh dihukum mati mandatori jika sabit kesalahan.

Ini adalah kali pertama teman wanita bekas perunding pelaburan Sabah ke Taiwan itu kembali ke Sabah sejak polis negeri ini mengadakan operasi pemeriksaan senjata api.

Pada 12 Mac 1997, polis menyerahkan kepada Peguam Negara untuk bertindak sama ada mengekstradisi Chin, yang dijatuhi hukuman penjara 15 tahun oleh Mahkamah Tengah Taipeh, 4 Mac lalu atas kesalahan menyeludup senjata api ke negara itu.

Timbalan Ketua Polis Negara, ketika itu Tan Sri Samsuri Arshad, dilaporkan berkata siasatan dijalankan berdasarkan pelakuan jenayah (dakwaan seludup senjata api dan peluru) dari Sabah yang masih dalam perundangan negara.

Pada 11 Oktober 1997, Abdul Rahim mengarahkan anggotanya mengawasi pergerakan Chin yang dilapor melarikan diri dari Taiwan dengan melanggar ikat jamin.

Beliau tidak menolak kemungkinan Chin yang sedang menunggu rayuan di negara berkenaan berhubung kes penyeludupan senjata api dari Sabah, cuba memasuki negara ini selepas dikatakan menghilangkan diri.

Dia sepatutnya menghadiri diri di mahkamah di sana pada September. Bagaimanapun, setakat tempoh berkenaan, risikan polis mendapati tiada tanda menunjukkan Chin berada di negara ini.

Pada 15 Oktober 1997, polis dilaporkan masih menunggu laporan rasmi daripada Polis Interpol Taiwan, mengenai Chin. Dan kini 3 Januari 2004, situasi sama juga berlaku. Dimana agaknya Chin bersembunyi?